

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Tiga

Prinsip Rohani, Pelajaran Hayat, dan Amaran Kudus yang Diperlihatkan dalam Sejarah Samuel

Bacaan Bible: 1 Sam. 1:10-11, 18-20, 27-28; 2:30, 35-36; 3:1-21; 4:11-22; 7:3-17; 12:23

I. Samuel berasal daripada suku Lewi (1 Taw. 6:33-38) tetapi bukan daripada rumah Harun, yakni keluarga hentar yang ditetapkan Tuhan; Samuel melayan Tuan sebagai hentar yang bukan melalui kelahiran tetapi melalui nazar orang Nazir:

- A. Pergerakan Tuhan dan kemakbulan-Nya terhadap doa Hana menghasilkan seorang Nazir yang jayeng dan bersikap mutlak untuk menggenapkan hasrat Tuhan; bahkan sebelum Samuel dilahirkan, dia telah dipersembahkan oleh ibunya untuk menjadi orang sedemikian—1 Sam. 1:10-11, 18-20.
- B. Tuhan berhasrat agar seluruh umat-Nya menjadi orang Nazir; menjadi orang Nazir bermaksud dikudus, diasingkan, secara mutlak dan tuntas kepada Tuhan, iaitu bukan untuk apa-apa yang lain melainkan Tuhan dan bukan untuk apa-apa yang lain melainkan kepuasan-Nya—kesaksian Yesus, iaitu gereja yang bersaksi sebagai kesaksian dan ekspresi Kristus—Bil. 6:1-2; Mzm. 73:25-26; Wahi 1:2, 9-13; 19:10; bd. Kel. 38:21:
 - 1. Orang Nazir menjauhkan diri daripada wain dan apa-apa yang berkaitan dengan sumbernya, menandakan menjauhkan diri daripada segala jenis kenikmatan dan keseronokan bumiah dan menerima serta mengalami Kristus sebagai kenikmatan dan keseronokannya; makan pohon hayat, iaitu menikmati Kristus sebagai bekalan hayat kita, harus menjadi perkara yang utama dalam kehidupan gereja—Bil. 6:3-4; Wahi 2:7; Hak. 9:12-13.
 - 2. Orang Nazir tidak mencukur kepala menandakan tidak menolak sebaliknya tunduk secara mutlak kepada kekepalaan Tuan dan juga kepada semua pemangku kuasa yang dilantik Tuhan—Bil. 6:5; Roma 13:1-2a; Ef. 5:21, 23; 6:1; Ibr. 13:17; 1 Ptr. 5:5.
 - 3. Orang Nazir tidak harus dicemari oleh kematian saudara sedarahnya, tetapi harus mengekalkan pengasingannya untuk menjadi kudus kepada Tuhan; ini menandakan bahawa orang Nazir harus mengatasi kasih sayang alamiah—Bil. 6:7.
 - 4. Orang Nazir tidak harus menghampiri orang mati atau dicemari oleh kematian seseorang di sebelahnya secara tiba-tiba; ini menandakan bahawa orang Nazir diasingkan daripada kematian—ay. 6-9; Wahi 3:4; Im. 11:31; 5:2; bd. 1 Yoh. 5:16.

II. Pada zaman Samuel, kehentaran rumah Harun telah jatuh dengan teruk sekali; namun demikian, Tuhan telah menjangkakan keadaan ini; selain menetapkan rumah Harun menjadi hentar, Dia membuat satu perkara tambahan—nazar orang Nazir dalam Bilangan 6—kalau-kalau hentar-hentar yang ditetapkan itu mempunyai kekurangan:

- A. Apabila rumah Harun jatuh, perkara tambahan ini digunakan secara praktikal; Samuel menjadi hentar dengan dipersembahkan, diasingkan, dan dipinjamkan kepada Tuan—1 Sam. 1:11, 27-28.
- B. Pada zaman Eli, Tuhan adalah miskin berhubung dengan perkara kehentaran, maka Hana meminjamkan Samuel kepada Tuan; dalam keadaan yang tidak normal, Tuan menjadi miskin berhubung dengan pentadbiran-Nya, dan memerlukan orang untuk meminjamkan dirinya secara sukarela kepada-Nya.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Tiga (sambungan)

- C. Selepas Hana mempersembahkan Samuel kepada Eli, Hana memuji Tuhan atas penyelamatan-Nya yang disempurnakan menerusi perbuatan-Nya yang mengagumkan; doanya berkaitan dengan pergerakan Tuhan dalam ekonomi-Nya, dan menunjukkan bahawa dia mengenali sesuatu tentang ekonomi Tuhan—2:1-10.

III. Samuel dibesarkan di bawah jagaan Eli; ketika Samuel masih muda, dia melayan Yehova di hadapan Eli (ay. 11b, 18-19), diajar oleh Eli tentang cara melayan Tuhan:

- A. Tuhan memanggil Samuel tiga kali; “maka fahamlah Eli bahawa Yehovalah yang memanggil budak itu. Lalu Eli berkata kepada Samuel, Pergi dan berbaringlah, dan jika Dia memanggil engkau, engkau harus berkata, Bersabdalah, O Yehova, kerana hamba-Mu sedang mendengar....Kemudian Yehova datang dan berdiri di tepi dan memanggil seperti dahulu, Samuel! Samuel! Maka Samuel berkata, Bersabdalah, kerana hamba-Mu sedang mendengar”—3:1-10:
1. Ini sesuatu yang sama sekali positif yang dipelajari Samuel daripada Eli; sebagai hamba Tuan, kita perlu mengekalkan persekutuan kita dengan-Nya, sentiasa mendengar-Nya—Luk. 1:34-38; 10:38-42.
 2. Hayat kita bergantung pada sabda Tuan, dan kerja kita bergantung pada perintah-Nya (Wahi 2:7; 1 Sam. 3:9-10; bd. Yes. 50:4-5; Kel. 21:6); kehidupan percayawan sama sekali bergantung pada pembicaraan Tuan (Ef. 5:26-27).
 3. Pembicaraan Tuan membolehkan kita menggenapi matlamat ekonomi abadi-Nya, iaitu memperoleh pengantin sebagai pasangan-Nya—Wahi 2:7; Ef. 5:26-27; Kid. 8:13-14.
- B. Semasa Samuel belajar, dia memerhatikan kemerosotan kehentaran Harun yang jatuh:
1. Dia melihat Tabut Tuhan dirampas oleh penatua umat itu dan ditawan oleh orang Filistin dan kemuliaan Tuhan beredar dari Israel; dia menyedari penghakiman Tuhan yang berat ke atas rumah Eli, yang termasuk kematian Eli dan kedua-dua anaknya yang jahat, iaitu Hofni dan Pinehas—1 Sam. 2:12-36; 4:11-22.
 2. Penghakiman Tuhan yang berat ke atas rumah Eli dinubuatkan oleh seorang manusia Tuhan (2:27-36); kemudian penghakiman yang berat ini disahkan oleh sabda Yehova yang dibicarakan menerusi Samuel (3:11-18).
 3. Tuhan menerusi Samuel memberitahu Eli tentang penghakiman yang akan datang; tujuan-Nya mungkin adalah untuk meninggalkan kesan yang tidak dapat dilupakan pada hentar budak lelaki yang kecil ini; inilah kearifan Tuhan—ay. 17-18.
 4. Hal ini tidak menjadikan Samuel lemah dalam kehentaran Nazirnya pada masa kemudian; sebaliknya, hal ini sentiasa menjadi amaran kepadanya sepanjang pelayanannya sebagai hentar, yang membantu dia kekal murni dalam pelayanannya terhadap Tuhan seumur hidupnya.

IV. Samuel merupakan orang yang mengalihkan zaman itu kepada zaman kingdom berserta kemaharajaan; hal ini bukan sahaja perkara besar dalam sejarah Israel malah juga dalam sejarah manusia sejagat:

- A. Samuel tidak memberontak terhadap rumah Harun, dan dia tidak merampas apa-apa daripada rumah Harun; sewaktu Samuel membesar, Tuhan mengatur sekitaran untuk menyempurnakannya dan membina keupayaannya untuk melakukan segala yang diperlukan supaya Tuhan dapat menukar zaman kepada zaman raja berserta kingdom.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Tiga (sambungan)

- B. Samuel sebagai hentar telah menggantikan kehentaran Harun yang lapuk, dan dalam erti kata tertentu, telah menamatkan kehentaran ini; Tuhan menggunakan Samuel untuk mengalihkan zaman bukan menerusi pemberontakan atau revolusi, tetapi menerusi jalan wahi divin untuk membawa masuk kemaharajaan.
 - C. Samuel ialah seorang yang mempunyai wahi, dan dia melakukan segala-gala menurut apa yang dilihatnya; “Yehova mewahikan diri-Nya kepada Samuel... melalui sabda Yehova” (ay. 21); selain itu, Samuel seorang yang menurut hati Tuhan—suatu salinan, duplikasi, bagi hati Tuhan; sebagai orang sedemikian, dia tidak akan melakukan hal-hal yang memberontak.
- V. Bukan sahaja perbuatan, kehidupan, dan kerja Samuel adalah menurut Tuhan, malah seluruh diri dan orangnya juga menurut Tuhan; diri Samuel dan hati Tuhan adalah satu; atas sebab ini, kita boleh mengatakan bahawa Samuel, seorang yang menurut Tuhan, ialah pemangku Tuhan di bumi:**
- A. Minda Tuhan menjadi pertimbangan Samuel; dia tidak mempunyai fikiran, pertimbangan, dan pemikiran yang lain; kehidupan dan kerjanya adalah untuk melaksanakan segala-gala yang ada dalam hati Tuhan.
 - B. Samuel mengurapi Saul dan Daud untuk menjadi raja (10:1; 16:1, 13); hal ini adalah menurut ketetapan Tuhan bahawa Samuel harus bergerak-hidup secara berterusan di hadapan orang yang diurapi Tuhan (2:35) untuk menyelia raja, memerhatikan apa-apa yang dilakukan oleh raja.
 - C. Ini menunjukkan bahawa Samuel, pemangku Tuhan di bumi, adalah lebih besar daripada raja; Samuel layak mencapai tahap ini kerana bertahun-tahun lamanya Tuhan telah menyempurnakan dia secara khusus untuk ekonomi-Nya:
 - 1. Samuel dapat digunakan Tuhan untuk melaksanakan ekonomi-Nya kerana dia seorang yang menurut Tuhan dan menurut hati Tuhan, tidak menuntut kepentingan diri dan juga tidak memikirkan manfaat sendiri—bd. Mat. 16:24-26; Luk. 9:23-25.
 - 2. Dia tidak ada hati terhadap apa-apa yang lain selain hati Tuhan dan umat pilihan Tuhan; hatinya mencerminkan hati Tuhan—bd. Flp. 2:19-22; 2 Kor. 3:16-18.
 - 3. Samuel menganggap bahawa tidak berdoa untuk umat Tuhan, yakni mereka yang merupakan harta peribadi dan harta milik-Nya, ialah dosa terhadap Yehova—1 Sam. 12:23; Kel. 19:5.
 - D. Meskipun bukannya mudah bagi Samuel berdiri untuk Tuhan dalam sekitarnya yang khusus, namun dia prihatin akan kepentingan Tuhan dan dia mengalihkan zaman; menurut Wasiat Lama, Samuel disetarakan dengan Musa dalam hal untuk Tuhan dan untuk kepentingan Tuhan—Yer. 15:1.
 - E. “Samuel memberitahu umat amalan kingdom, dan dia menulisnya dalam sebuah buku dan meletakkannya di hadapan Yehova”—1 Sam. 10:25a:
 - 1. Musa memberikan hukum kepada bani Israel, tetapi sebelum kedatangan Samuel mereka tidak ada satu set undang-undang kecil, perlembagaan.
 - 2. Samuel mengajar umat undang-undang kecil, perlembagaan, amalan, adat, tatacara, ordinan, dan peraturan tentang cara mengamalkan kingdom Tuhan di bumi.
- VI. Tuhan memulakan zaman baru dengan membangkitkan Samuel, orang Nazir yang muda, menjadi hentar yang setia untuk menggantikan kehentaran yang jatuh—2:35:**

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Tiga (sambungan)

- A. Samuel diangkat oleh Tuhan untuk membicarakan sabda Tuhan bagi menggantikan pengajaran sabda Tuhan oleh kehentaran yang lama; dalam kehentaran, perkara pertama yang harus dilakukan hentar ialah berbicara untuk Tuhan.
 - B. Kepingan dada serta Urim dan Tumim yang dipakai oleh hentar agung merupakan sarana yang digunakan oleh Tuhan untuk berbicara dengan umat-Nya (Kel. 28:30); selepas kejatuhan kehentaran, pembicaraan Tuhan hampir hilang (1 Sam. 3:1, 3a).
 - C. Tuhan meministerkan sabda-Nya kepada umat pilihan-Nya dengan mengangkat Samuel menjadi penyabda dalam kepenyabdaan yang dipertingkatkan (ay. 20-21), dan Tuhan juga melaksanakan kuasa-Nya ke atas umat pilihan-Nya dengan membangkitkan Samuel menjadi hakim (7:15-17).
 - D. Samuel, sebagai hakim yang terakhir, menamatkan kehakiman; dia sebagai hentar baru membawa masuk kemaharajaan yang diperkuat oleh kepenyabdaan yang dipertingkatkan.
 - E. Tuhan perlu membangkitkan seorang yang hidup, seorang penyabda, bagi berbicara untuk-Nya; dalam ketetapan Tuhan, Samuel dikira sebagai penyabda yang pertama kerana dia membawa masuk kepenyabdaan yang berbicara untuk Tuhan—Kis. 3:24; 13:20; Ibr. 11:32.
- VII. Samuel bersatu dengan Tuhan di bumi; sebagai pemangku Tuhan di bumi, yakni wakil bagi Tuhan di langit untuk memerintah umat-Nya di bumi, Samuel meminister dalam lima status—1 Sam. 7:3:**
- A. Samuel meminister sebagai orang Nazir yang mempersembahkan diri secara mutlak kepada Tuhan untuk menggenapi ekonomi-Nya—1:11, 28a.
 - B. Samuel meminister sebagai hentar yang menghormati Tuhan dan diperkenan Tuhan untuk menggantikan kehentaran yang lapuk dan jatuh; dia setia bertindak bagi pihak Tuhan, malah melantik dan mengangkat raja untuk pemerintahan divin di bumi—2:30, 35-36; 7:3-17; Hak. 9:9, 13.
 - C. Samuel meminister sebagai penyabda yang diangkat Tuhan (1 Sam. 3:20) untuk membicarakan sabda Tuhan bagi menggantikan pengajaran oleh kehentaran yang lama pada zaman itu; pada masa itu, jarang-jarang ada sabda Yehova dan visi-visi tidak tersebar luas (ay. 1-10, 19-21).
 - D. Samuel meminister sebagai hakim dalam realiti kemaharajaan untuk menggantikan penghakiman umat oleh kehentaran yang lama dan lapuk—7:15-17.
 - E. Samuel meminister sebagai pendoa yang berdoa untuk umat pilihan Tuhan, agar mereka dipelihara dalam jalan Tuhan, bersatu dengan Tuhan, tidak terjerat oleh berhala bangsa-bangsa, dan menikmati Tuhan sebagai Eben-Haezer (bermakna “batu bantuan”—ay. 12) supaya hasrat Tuhan dalam kehendak-Nya berkenaan umat pilihan-Nya dapat digenapkan (ay. 3-17; 8:6; 12:19-25; 15:11b).